**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

# KERATAN AKHBAR
# 09 JUN 2017 ( JUMAAT)

| AKHBAR | MUKA SURAT |
|---|---|
| **Utusan Malaysia** | |
| - PBT manfaatkan makanan dibazirkan untuk komuniti | 29 |

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR 09 JUN 2017 ( JUMAAT)** | |
|---|---|
| Akhbar | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | PBT manfaatkan makanan dibazirkan untuk komuniti |
| Muka Surat | 29 |

# PBT manfaatkan makanan dibazirkan untuk komuniti

UM 9/6/17 MS 29.

PENGLIBATAN pihak berkuasa tempatan (PBT) sebagai rakan kempen elak pembaziran makanan, *Save Food Initiative* (*MySave Food*), dapat memanfaatkan kira-kira 3,000 tan makanan yang dibazir setiap hari untuk kegunaan komuniti.

Ketua Pengarah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), **Datuk Dr. Sharif Haron** berkata, antara langkah itu adalah mengitar semula bahan makanan menjadi baja kompos untuk digunakan dalam program komuniti seperti dilaksanakan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) yang merupakan rakan baharu kempen *MySave Food*.

"PBT mempunyai jaringan lebih menyeluruh dengan lokaliti bawah seliannya, sekali gus memudahkan usaha menjayakan kempen lebih berkesan terus kepada golongan sasar," katanya selepas merasmikan seminar pengukuhan jaringan *MySafeFood* di Serdang baru-baru ini.


**ABD. HAMID HUSSAIN**


**DR. SHARIF HARON**

Menurutnya pada masa ini, terdapat 128 rakan strategik kempen *MySave Food* yang kebanyakan dipelopori syarikat swasta dan badan bukan kerajaan (NGO).

MARDI dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani adalah penyelaras kempen *MySaveFood* yang dilancarkan Timbalan Perdana Menteri Datuk, Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi pada 10 Mac tahun lepas bagi memupuk kesedaran masyarakat supaya mengurangkan pembaziran makanan.

Sementara itu, Yang Dipertua MPAJ, **Abd. Hamid Hussain** berkata, bahan kompos daripada kitar semula makanan akan digunakan dalam projek kebun komuniti di empat kawasan perumahan di sekitar Ampang Jaya.

"Kita akan bertemu mereka yang terlibat dengan projek kebun komuniti bagi membincangkan langkah menghasilkan baja kompos untuk kegunaan kebun dan bagaimana mendapatkan sisa makanan," katanya yang yakin pendekatan itu akan disambut baik kerana ia menjimatkan kos membeli baja.

Menurutnya MPAJ juga akan menggerakkan kempen kesedaran itu dengan meletakkan banting dan poster inisiatif *MySafeFood* di lebih 2,000 bazar Ramadan di kawasan pentadbirannya. – **BERNAMA**




**MARDI menerajui Program *Mysavefood* "Hargai Makanan Elakkan Pembaziran" bagi mendidik orang ramai. – GAMBAR HIASAN**